

Pastikan syarikat dapat terus bersaing di pasaran tempatan

Kaji semula subsidi minyak masak

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**
 pengarang@utusan.com.my

SHAH ALAM 1 Nov. – Kerajaan diminta mengkaji semula pelaksanaan pemberian subsidi kepada pengeluar minyak masak tempatan bagi memastikan mereka dapat terus bersaing dalam pasaran negara ini.

Pengarah Urusan MM Vita oils Sdn. Bhd., Mazlan Muhamad berkata, kajian semula perlu dilakukan berikutan subsidi yang berbeza-bebeza antara pengeluar tempatan, termasuk kemudahan dinikmati oleh syarikat asing yang menjalankan operasi pasar raya besar di negara ini.

Mazlan berkata, walaupun MM Vita oils mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 10,000 tan metrik sebulan namun subsidi yang diberikan oleh kerajaan untuk membekalkan minyak masak pada harga rendah kepada pengguna hanya 75 tan metrik sahaja.

Sebaliknya, syarikat mengendalikan pasar raya besar milik warga asing didapati turut menerima subsidi itu pada jumlah yang besar walaupun hanya melibatkan aktiviti pembungkusan serta penjenamaan semula sebelum dijual kepada pengguna di negara ini dan bukannya mengeluarkan bahan itu, ujar beliau.

“Pada pandangan saya, pemberian subsidi



PEKERJA MM Vita oils melakukan proses akhir pembungkusan minyak masak di kilang syarikat itu di Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

perlu diagihkan secara adil dari segi jumlahnya terutamanya kepada pengeluar-pengeluar minyak masak tempatan.

“Oleh itu, saya harap kerajaan dapat memberi tumpuan dalam hal ini kerana kita

semua tahu syarikat pasar raya besar ini mempunyai jaringan pasaran yang luas dan besar.

“Maka, keadaan sedemikian sudah tentu akan menyukarkan pengeluar tempatan khu-

susnya industri kecil dan sederhana (IKS) mahu memasarkan produk minyak masak mereka. Kalau dipasarkan juga tanpa subsidi, mereka akan menanggung kos yang tinggi,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambah Mazlan, keadaan sedemikian tidak harus berlaku dalam usaha kerajaan membangunkan industri tempatan melalui dasar yang dirancang sebelum ini termasuk pembentangan Bajet 2010 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 23 Oktober lalu.

Ini kerana, pada pengumuman bajet tersebut, kerajaan dilihat banyak menyentuh mengenai pelaksanaan sistem pemberian subsidi melibatkan komoditi dagangan termasuk minyak masak serta usaha-usaha membangunkan IKS.

Mazlan turut mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan sepenuhnya Penunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam menyediakan bantuan serta program kepada syarikat-syarikat tempatan, merangkumi aktiviti promosi.

Katanya, pelaksanaan KPI itu akan membolehkan kerajaan mengenal pasti syarikat yang berkemampuan untuk menembusi pasaran yang lebih besar.

Beliau berkata, pendekatan tersebut juga dapat meningkatkan persaingan secara sihat di kalangan syarikat sebelum mereka layak menerima sebarang bantuan yang disediakan oleh kerajaan.